



SARI SECURIFORCE SDN BHD

PT 893, TAMAN RESTU, JALAN TELIPOT 15150 KOTA BHARU

No Tel : 013-9841088/013-9831088 No Fax : 09-7641351

Email : ssb_sari@yahoo.com

Tarikh: 29 Januari 2025

PENGARAH,

Perbadanan Produktiviti Malaysia(MPC)

Beg berkunci 206,
Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir,
13200 Kepala Batas,
Seberang Perai,
Utara Pulau Pinang.

Tuan/puan,

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA API DI
KOMPLEKS PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA(MPC) WILAYAH
UTARA, PULAU PINANG.**

MPC.100-14/1/23

**Perkara: Permohonan Pelarasan Kadar Harga Kontrak Berikutan Penguatkuasaan
Kadar Cukai Perkhidmatan Dari 6% Kepada 8% Berdasarkan Akta Cukai
Perkhidmatan (AKTA 807) Bermula 1 Mac 2024.**

Perkara di atas dirujuk.


2. Berdasarkan Warta Kerajaan Persekutuan telah dikeluarkan pada 26 Februari 2024, pihak kerajaan telah membuat pindaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (CJCP) dari 6% kepada 8% yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2024.

3. Memandangkan perkhidmatan kawalan keselamatan termasuk di dalam perkhidmatan yang terlibat dengan kadar kenaikan Cukai Perkhidmatan 8%, oleh itu pihak kami ingin memohon pelarasan kadar harga kontrak semasa bagi perkhidmatan kawalan keselamatan di jabatan/agensi tuan.

4. Diharap pihak tuan dapat mempertimbangkan permohonan pelarasan ini selaras pewartaan undang-undang yang diwartakan. Bersama ini dilampirkan surat edaran & Warta Kerajaan Persekutuan untuk rujukan tuan.

Pihak kami berharap agar mendapat maklum balas bertulis daripada pihak tuan melalui email ke ssb_sari@yahoo.com.

Yang benar,


.....
Sari Securiforce Sdn Bhd
Saripah Bt. Jaafar

**PENGIRAAN TAMBAHAN BAYARAN KONTRAK DENGAN MENGAMBIL KIRA
KENAIKAN CUKAI DARIPADA 6 % KEPADA 8%**

BIL.	JUMLAH KONTRAK	HARGA KONTRAK (RM)	CUKAI 6% (RM)	JUMLAH HARGA ASAL (RM)	CUKAI 8% (RM)	JUMLAH HARGA KONTRAK SELEPAS KENAIKAN CUKAI KEPADA 8% (RM)	JUMLAH PERBEZAAN SST
1	Harga Kontrak Sebulan	13,200.00	792.00	13,992.00	1,056.00	14,256.00	264.00
2	Harga Kontrak setahun	158,400.00	9,504.00	167,904.00	12,672.00	171,072.00	3,168.00
3	Harga Kontrak MAC 2024 hingga DIS 2024	132,000.00	7,920.00	139,920.00	10,560.00	142,560.00	2,640.00

TAMBAHAN BAYARAN KONTRAK SELEPAS KENAIKAN CUKAI DARI 6% KEPADA 8% ADALAH SEBANYAK RM2,640.00

PEMAKLUMAN PINDAAN KADAR CUKAI PERKHIDMATAN DI BAWAH AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

From: KHAIRUL HAFIZ BIN AB. RAHMAN (JKDM-PERAK) (hafiz.rahman@customs.gov.my)

To: ktsb_sari@yahoo.com

Date: Wednesday, November 6, 2024 at 04:45 PM GMT+8

Salam dan salam sejahtera,

Tuan,

Untuk makluman tuan, terdapat pindaan pada kadar cukai perkhidmatan mulai 1 Mac 2024 selaras dengan Perintah Kadar Cukai **PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (KADAR CUKAI) (PINDAAN) 2024**.

Kadar cukai perkhidmatan telah dipinda daripada **6% kepada 8% ke** atas semua perkhidmatan bercukai termasuk perkhidmatan pembersihan melainkan empat perkhidmatan berikut yang **masih kekal 6%** iaitu:

- a) Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman
- b) Perkhidmatan telekomunikasi
- c) Perkhidmatan penyediaan tempat letak kenderaan
- d) Perkhidmatan logistik

Oleh sebab itu, Orang Berdaftar mestilah mengenakan dan melevikan cukai perkhidmatan sebanyak 8% ke atas semua perkhidmatan bercukai melainkan empat (4) perkhidmatan bercukai seperti di atas **mulai 1 Mac 2024** selaras dengan **Seksyen 7 dan Seksyen 10 Akta Cukai Perkhidmatan 2018**.

Kegagalan mematuhi pindaan kadar cukai ini mulai 1 Mac 2024 misalnya masih mengenakan cukai perkhidmatan sebanyak 6% ke atas semua perkhidmatan bercukai selain daripada empat(4) perkhidmatan bercukai di atas akan memberikan komplikasi mengemukakan suatu Penyata SST-02 yang tidak betul dan ia adalah suatu kesalahan di bawah **Subseksyen 26(6) Akta Cukai Perkhidmatan 2018**.

Dilampirkan beserta email ini **PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (KADAR CUKAI) (PINDAAN) 2024** untuk rujukan pihak tuan dan untuk meklumat lanjut boleh melayari website sst iaitu <https://mysst.customs.gov.my/>.
Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Khairul Hafiz Bin Ab Rahman,
Penguasa Kastam,
Bahagian Cukai Dalam Negeri,
JKDM Kelantan

Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.



PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (KADAR CUKAI) (PINDAAN) 2024 (1).pdf
210.1kB



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
CAWANGAN PENGUATKUASAAN PENDAFTARAN SST,
ARAS 4, BLOK A, MENARA TULUS,
NO.22, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3,
61200 PUTRAJAYA

Telefon : 03-83232100 / 1-300-888-500
Faksimile : 03-88824911
Laman Web : www.mysst.customs.gov.my
E-Mel : ccc@customs.gov.my



SARI SECURIFORCE SDN BHD
1803, LORONG BELAKANG ZAINAB, JALAN
TELIPOT KAMPUNG AMAN, LUNDANG
15150 KOTA BHARU
KELANTAN

Ruj Kami : D10-1810-38000003
Tarikh : 10/10/2018
No. Daftar CP : D10-1810-32000003
Stesen Mengawal : KOTA BHARU

Tuan/Puan,

KELULUSAN PENDAFTARAN DI BAWAH SEKSYEN 13 AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

Perkara di atas dirujuk.

Tuan/Puan telah didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan maklumat akaun pendaftaran tuan adalah seperti berikut:

Tarikh Permohonan	: 02/10/2018
Tarikh Kuatkuasa Pendaftaran	: 01/11/2018
Asas Perakaunan	: Asas Bayaran
Tempoh Bercukai	: Dua Bulan
Tempoh Bercukai Pertama	: 01/11/2018 sehingga 31/12/2018
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: 31/01/2019
Tempoh Bercukai Kedua	: 01/01/2019 sehingga 28/02/2019
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: 01/04/2019
Tempoh Bercukai Berikutnya	: Setiap Dua Bulan
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata dan Bayaran	: Hari terakhir bulan berikutnya setelah tamat tempoh bercukai

Stesen Mengawal & Alamat : **Stesen Kota Bharu**
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian SST, Wisma Kastam Padang Bongor Jalan Tok
Guru 15400 Kota Bharu

Sebagai orang yang telah didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 tuan/puan dikehendaki mematuhi kehendak Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Peraturan - Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan mematuhi tanggungjawab yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah seperti di **LAMPIRAN I**.

Tuan/Puan boleh melayari laman web MySST di capaian www.mysst.customs.gov.my atau menghubungi pejabat ini seperti maklumat yang tertera di atas untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia